

01 DEC 1997

PRM: JANGAN SEKALI-KALI TUNDUK KEPADA IMF

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Parti Rakyat Malaysia (PRM) hari ini menyatakan sokongan terhadap pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang Malaysia akan terus menahan diri daripada meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam mengatasi masalah kejatuhan nilai mata wang dan masalah ekonomi negara.

Presiden PRM Dr Syed Husin Ali dalam satu kenyataan di sini berkata dasar IMF yang berpegang kepada konsep pasaran terbuka berasaskan persaingan bebas adalah tidak secocok dengan dasar Malaysia yang menekankan konsep saling membantu dari segi ekonomi dan sosial.

Dr Mahathir sebelum ini berkata Malaysia akan terus menahan diri daripada meminta bantaun IMF bagi mengelakkan beban tambahan ke atas rakyat yang telah terjejas teruk oleh masalah kewangan.

Syed Husin berkata: "Dasar IMF jika dilaksanakan secara tidak terkawal akan mencetuskan konflik perkauman yang boleh membantutkan proses pembangunan negara."

Beliau berkata syarat IMF yang mahu cukai dinaikkan dan perbelanjaan perkhidmatan sosial rakyat dikurangkan akan menjejaskan kepentingan golongan berpendapatan rendah dan sederhana di negara ini.

Syed Husin juga meminta kerajaan memerangi rasuah dan pilih kasih yang masih wujud dalam jentera pentadbiran negara, mengawal kenaikan harga barangan keperluan dan berhati-hati dari segi perbelanjaan ketika membangunkan projek-projek gergasi. -- BERNAMA

NY RON